



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PROJEK KUALA TERENGGANU BYPASS

**Kuala Terengganu** – Keprihatinan Kerajaan terhadap keselesaan pemanduan penduduk bandaraya Kuala Terengganu dizahirkan melalui pembinaan Projek Kuala Terengganu Bypass yang bertujuan mengurangkan kesesakan trafik seterusnya menjimatkan jarak dan masa perjalanan pengguna.

Projek dibawah Kementerian Kerja Raya (KKR) ini dirancang untuk mengalirkan keluar kenderaan daripada memasuki Bandaraya Kuala Terengganu dan mempercepatkan perjalanan dari utara ke selatan disamping menjadi komponen utama dalam Pembangunan Bandar Baru Bukit Besar.

Antara skop projek ini adalah membina jalan baharu empat lorong sepanjang 5.875 km dengan piawaian rekabentuk Jabatan Kerja Raya (JKR) U5, membina empat buah jambatan dengan panjang keseluruhan sejauh 598 meter serta melibatkan skop naiktaraf dan pembinaan persimpangan di Simpang Tok Molor, Jalan Tok Adis (T12) dan Jalan FT03 di Kg Durian Burung.

Turut termasuk dalam skop kerja adalah penyediaan sistem perparitan dan pembentungan yang sistematik, pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat, pemasangan kelengkapan jalan, pengalihan utiliti dan pembinaan dua buah 'vehicular box culvert' (VBC).

Bagi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jangkaan jadual, satu lawatan kerja telah diadakan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd Tahir ke tapak projek. Terdahulu, beliau telah diberi taklimat kemajuan kerja projek ini di pejabat JKR Terengganu. Projek ini telah dimulakan pada 27 Julai 2016 dan tarikh siap asal dijangka pada Januari 2019 dengan status kemajuan projek sehingga kini adalah sebanyak 70 peratus.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**19 JULAI 2018**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my